


DATE: 31/08/2007

Suara Malaysia di pentas dunia



Malaysiaku Gemilang

Keharmonian pelbagai kaum dikagumi

BH - 31/8/2007

KUALA LUMPUR: Setelah 50 tahun nerdeka, nama Malaysia memeang dikenali di peringkat antarabangsa dan pembangunannya pula mengagumkan negara lain termasuk di kalangan negara membangun. Selepas setengah abad bebas daripada belunggu penjajah, ternyata Malaysi menguruskan dasar luar dengan amat baik sekali, meningkat dari negara yang mengu-

ruskan beberapa isu saja kepada negara yang terbabit dalam segala bidang. Kini, negara kita dilabel sebagai negara dengan dasar yang amat proaktif dan masyarakat antarabangsa amat menghormati Malaysia. Berikut adalah petikan ucapan tahniah dan penghargaan daripada beberapa diplomat asing yang berpejabat di ibu negara, sempena Hari Kemerdekaan negara yang ke-50 hari ini.

“*Saya juga amat berpuas hati dengan hubungan dua hala Korea Selatan-Malaysia, yang juga sudah terjalin hampir separuh abad*”

Song Sang-ha
Duta Korea Selatan

“*Lebih 250,000 pelajar Malaysia menamatkan pengajian di Australia. Ribuan rakyat Australia melawat Malaysia setiap minggu*”

Penny Williams
Pesuruhjaya Tinggi Australia

“*Saya amat gembira untuk menyatakan hubungan diplomatik Perancis-Malaysia yang terjalin sejak 50 tahun lalu kini semakin erat*”

Alain du Boispean
Duta Perancis

“*Kami berdoa kepada Allah SWT supaya keamanan dan kemakmuran rakyat dan Kerajaan Malaysia yang memasuki usia 50 tahun*”

Mustafa Mujezinovic
Duta Bosnia dan Herzegovina